

Newspaper	Berita Harian
Date	13 June 2015

Keluar ASEAN jika gagal henti penindasan: Dr M

» Kegagalan Myanmar tangani krisis beri beri imej negatif kepada pertubuhan

Oleh Syed Azwan Syed Ali
syedazwan@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Myanmar seharusnya keluar dari ASEAN jika ia gagal menghentikan penindasan ke atas etnik Rohingya yang menyebabkan krisis kemanusiaan di rantau ini.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata ini kerana isu penindasan ke atas etnik Rohingya yang berlanjutan sejak sekian lama itu membebankan imej negatif kepada pertubuhan serantau 10 negara yang dipengerusikan Malaysia pada tahun ini.

Selaku individu yang bertanggungjawab membawa Myanmar menyertai ASEAN sebelum ini, Dr Mahathir berkata, beliau amat kesal dengan isu membabitkan etnik Rohingya yang beliau sifatkan sebagai tindakan 'pembunuhan beramai-ramai'.

"Jika Myanmar mahu terus melakukan pembunuhan beramai-ramai ini, maka keluar dari ASEAN," katanya pada ucapan Persidangan Antarabangsa Kisah Kesengsaraan Rohingya II - Jenayah Ke Atas Kemanusiaan anjuran Ya-

yasan Keamanan Sedunia Perdana (PGPF) di Auditorium Muzium Kesenian Islam, di sini, semalam.

Hadir sama pada edisi kedua persidangan kemanusiaan itu ialah Pengerusi PGPF Tan Sri Norian Mai, diplomat asing, wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan aktivis kemanusiaan dari dalam dan luar negara.

Ketepi dasar

Dr Mahathir yang juga Presiden PGPF berkata, sudah tiba masanya bagi ASEAN menyetujui dasar tidak campur tangannya dalam isu etnik Rohingya yang membabitkan negara jiran secara langsung.

Katanya, penindasan ke atas etnik Rohingya menyebabkan majoriti mereka melarikan diri dari wilayah barat Myanmar di Arakan ke negara jiran melalui jalan

laut sehingga menyebabkan krisis kemanusiaan di Laut Andaman dan Selat Melaka.

"Ia bukan masalah orang bot tapi masalah yang berpunca di Myanmar" katanya merujuk kepada isu ribuan etnik Rohingya yang terkandas di Laut Andaman dan Selat Melaka sebelum beribu-ribu daripada mereka mendarat di Malaysia dan Indonesia, bulan lalu.

Krisis kemanusiaan di laut itu mendapat perhatian dunia selepas ribuan pelarian etnik Rohingya dan imigran ekonomi dari Bangladesh terkandas di laut awal bulan lalu.

Ia susulan tindakan p e n g u a t k u a s a a n Thailand ke atas sindiket perdagangan manusia yang turut membawa kepada penemuan kubur pelarian di sempadan Malaysia dan Thailand.

Susulan krisis itu, wakil daripada 17 negara mengadakan pertemuan di Bangkok, Thailand, akhir bulan lalu bagi mencari penyelesaian dalam isu kemanusiaan itu ketika Malaysia dan Indonesia bersetuju

menempatkan ribuan pelarian terbabit di pusat perlindungan sementara bagi tempoh setahun sebelum masyarakat dunia menentukan nasib mereka.

Dr Mahathir berkata, dunia seharusnya bertindak tegas ke atas Myanmar dan sudah tiba masanya masyarakat dunia mempunyai *code of human behaviour* dalam menangani sesuatu isu.

la bukan masalah orang bot tapi masalah yang berpunca di Myanmar"

Dr Mahathir Mohamad, Presiden PGPF

"Kita mesti campur tangan jika batas tertentu dilanggar. Kita mesti ubah dasar tidak campur tangan itu," katanya merujuk kepada dasar ASEAN terhadap negara anggotanya.

Krisis kemanusiaan di Rakhine (Arakan) di barat Myanmar memuncak pada penghujung tahun 2012 selepas tercetusnya pertempuran di antara etnik Rakhine Buddha dan etnik Rohingya Muslim sehingga menyebabkan lebih 200 mati dan 140,000 hilang tempat tinggal dengan majoritinya etnik Rohingya yang dinahkan status kerakyatan di Myanmar walaupun etnik itu menetap di Myanmar sejak kurun ke-8.